

Qaseh Murni

Pelan insurans yang memberikan manfaat tunai hospital dan perlindungan keluarga



FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Anda amat menyayangi keluarga anda dan anda sentiasa berusaha memberikan sokongan terbaik kepada mereka setiap hari.

Dengan adanya perlindungan yang mudah dan berpatutan, anda akan berasa lebih yakin bahawa kebajikan keluarga anda tetap terjamin, jika anda dimasukkan ke hospital.

Qaseh Murni menawarkan **perlindungan kesihatan yang berpatutan dan sokongan tunai penghospitalan harian**, supaya anda dan keluarga terus mendapat sokongan dan bantuan kewangan apabila anda paling memerlukannya.



Imej untuk tujuan ilustrasi sahaja.
Tertakluk pada Terma & Syarat.

Manfaat

Berpatutan, senang dan mudah

Pendaftaran yang mudah dan senang, tanpa pemeriksaan perubatan atau sebarang soalan kesihatan, daripada **RM0.19/hari**.

Manfaat Kematian

Dapatkan perlindungan sehingga **RM25,000** bagi Kematian akibat Kemalangan dan **RM5,000** bagi Kematian akibat Bukan Kemalangan.

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian

Kekal disokong dari segi kewangan dengan bayaran pendapatan harian sepanjang tempoh penghospitalan anda:

- Sehingga **RM200/hari** bagi penghospitalan akibat kemalangan
- Sehingga **RM100/hari** bagi penghospitalan akibat bukan kemalangan

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan

Terima sokongan tunai harian tambahan:

- Sehingga **RM100/hari** jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal
- Sehingga **RM100/hari** jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi

Jadual Manfaat

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Manfaat Kematian akibat Kemalangan	10,000	20,000	25,000
Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan ¹	2,000	4,000	5,000
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Kemalangan ³	80/hari	160/hari	200/hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Bukan Kemalangan ¹³	40/hari	80/hari	100/hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi ¹³	40/hari	80/hari	100/hari
Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal ²³	40/hari	80/hari	100/hari
Premium Tahunan	70	140	175

¹ Tempoh Menunggu selama 30 hari bagi punca berkaitan bukan kemalangan.

² Tempoh Menunggu selama 60 hari bagi Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Serangan Jantung, Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari serta Penyakit Arteri Koronari Serius, dan 30 hari bagi penyakit kritikal lain.

³ Had tahunan gabungan sehingga 14 hari setahun bagi Manfaat Tunai Penghospitalan. Manfaat Tunai Penghospitalan akan diperbaharui setiap Ulang Tahun Sijil dan tidak boleh dikumpul.

Tertakluk pada Terma & Syarat.

Bagaimana Ia Berfungsi



Azman mendaftar untuk Qaseh Murni (Pelan 3) pada 1 Mei 2026.

Orang yang Diinsuranskan:
Azman

Pelan:
Qaseh Murni (Pelan 3)

Umur Hari Jadi Berikut:
Umur 30 tahun

Premium Tahunan:
RM175

Jantina:
Lelaki

Status Merokok:
Bukan-perokok

1 Penghospitalan akibat Kemalangan

Pada 1 Januari 2030, Azman dimasukkan ke hospital selama 14 hari.

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian bagi punca berkaitan Kemalangan
RM200 x 14 hari = RM2,800



2 Kemasukan ke Unit Penjagaan Rapi

Azman dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi selama 5 hari (1 Januari 2030 hingga 5 Januari 2030).

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke Unit Penjagaan Rapi
RM100 x 5 hari = RM500



3 Didiagnosis dengan Penyakit Kritikal (Serangan Jantung)

Semasa kemasukan ke hospital, beliau turut didiagnosis dengan Serangan Jantung, salah satu Penyakit Kritikal yang dilindungi.

Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal
RM100 x 14 hari = RM1,400



4 Manfaat Kematian akibat Kemalangan

Pada 15 Januari 2030, Azman telah meninggal dunia. Keluarganya akan menerima sokongan kewangan.

Manfaat Kematian akibat Kemalangan
RM25,000



Jumlah Bayaran:
RM29,700

*Infografik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
Sila rujuk Penyata Maklumat Polisi untuk terma dan syarat yang terperinci.

Tertakluk pada Terma & Syarat.

Pengecualian

Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri

Kami tidak akan membayar **Manfaat Kematian akibat Bukan Kemalangan dan Manfaat Kematian akibat Kemalangan** jika tuntutan akibat daripada bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari tarikh permulaan Sijil ini, tanpa mengira keadaan mental Orang yang Diinsuranskan.

Tindakan menyalahi undang-undang

Kami tidak akan membayar **sebarang manfaat** jika tuntutan akibat Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Peperangan

Kami tidak akan membayar **sebarang manfaat** jika tuntutan akibat daripada tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.

Kami tidak akan bayar **sebarang Manfaat Tunai Penghospitalan Harian** jika penghospitalan dianggap tidak munasabah dan tidak diperlukan dari segi perubatan.

Kami tidak akan bayar **sebarang Manfaat Tunai Penghospitalan Harian** jika penghospitalan berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada mana-mana kejadian yang berikut:

- a. bunuh diri, cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri oleh Orang yang Diinsuranskan, tanpa mengira keadaan mental Orang yang Diinsuranskan; atau
- b. penyakit sedia ada; atau
- c. bersunat dan sebarang pembedahan pada kulup; atau
- d. sebarang penjagaan atau pembedahan pergigian kecuali yang diperlukan akibat kecederaan; atau
- e. kehamilan atau keadaan berkaitan kehamilan termasuk kelahiran anak (sama ada pembedahan atau sebaliknyanya), komplikasi yang timbul daripada kehamilan seperti keguguran bayi, proses pengguguran bayi, penjagaan sebelum atau selepas bersalin, kaedah kontraseptif untuk perancang keluarga, rawatan ketidaksuburan, impotensi dan komplikasinya; atau
- f. penyiasatan, rawatan, terapi alternatif atau rawatan alternatif untuk gangguan tidur atau berdengkur; atau
- g. gangguan mental atau saraf (kecuali Gangguan Kemurungan Utama, Skizofrenia dan Gangguan Bipolar); atau
- h. HIV, penyakit kuarantin mengikut undang-undang (kecuali Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah, Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan dan AIDS dengan Gejala Penuh); atau
- i. sebarang keabnormalan kongenital, penyakit atau keadaan keturunan yang berlaku, wujud atau didiagnosis sebelum Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 17 tahun; atau
- j. radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktif daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear; atau
- k. pengaruh alkohol, narkotik, dadah atau racun atau berpunca daripada penyedutan gas atau asap; atau
- l. semua jenis perlumbaan (kecuali menggunakan kaki), sukan berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti bawah air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram; atau
- m. penyertaan dalam sebarang bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau ahli krew dalam laluan biasa yang dioperasikan oleh syarikat penerbangan komersial berlesen), atau sukan udara termasuk tetapi tidak terhad kepada terjun udara, terjun payung, lompat bungee, geluncur angin atau penerbangan belon.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Helaian Keterangan Produk atau Penyata Maklumat Polisi untuk maklumat lanjut.

Sila layari fwd.com.my/ms/partner/bsn/life/qaseh-murni untuk maklumat lanjut yang terperinci.

Tertakluk pada Terma & Syarat.

Soalan-soalan Lazim



Adakah saya layak?

Qaseh Murni ditawarkan kepada semua warga Malaysia berumur 18 hingga 55 tahun berdasarkan hari jadi berikutnya. Pemohon yang layak harus berfikiran waras. Semua kumpulan pekerjaan dibenarkan kecuali Kumpulan 5. Untuk merujuk senarai kumpulan pekerjaan, sila lawati <https://www.fwd.com.my/support/faq>.

Berapakah harganya?

Bergantung pada pelan yang dipilih, premium adalah serendah RM70 setahun.

Apakah tempoh perlindungannya?

Produk ini adalah pelan tempoh dua tahun tanpa jaminan. Jika anda memperbaharui sijil, sijil tersebut akan dilanjutkan selama 2 tahun lagi bagi setiap pembaharuan.

Anda boleh memperbaharui sijil sehingga umur 58 tahun, dengan umur pembaharuan terakhir pada 56 tahun.

Bagaimanakah saya boleh beli atau ketahui maklumat lebih lanjut tentang Qaseh Murni?

Anda boleh membeli **Qaseh Murni** atau mengetahui lebih lanjut di [fwd.com.my/ms/partner/bsn/life/qaseh-murni/](https://www.fwd.com.my/ms/partner/bsn/life/qaseh-murni/) atau kunjungi cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat.

Bagaimanakah saya boleh membayar premium untuk pelan yang dipilih?

Anda boleh membayar premium di cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat atau melalui perbankan dalam talian (FPX) atau menggunakan kad debit/kredit anda melalui gerbang pembayaran yang selamat. Jika anda memilih untuk membayar premium menggunakan kad debit/ kredit, FWD Insurance akan caj premium secara automatik di atas kad tersebut pada ulang tahun sijil.

Bagaimana saya boleh memperbaharui pelan saya sebelum ia tamat?

Untuk kemudahan anda, sila pilih pembaharuan automatik semasa pembelian atau semasa pembayaran premium pada ulang tahun sijil. Sijil akan dilanjutkan selama 2 tahun lagi bagi setiap pembaharuan. Harap maklum bahawa pemilihan pembaharuan automatik tidak bermaksud bahawa pelan anda adalah terjamin untuk diperbaharui semasa akhir tahun sijil ke-2.

Keputusan untuk memperbaharui polisi adalah tertakluk kepada budi bicara FWD Insurance. Anda akan dimaklumkan melalui notis 60 hari terlebih dahulu sekiranya kami tidak memperbaharui polisi anda.

Tertakluk pada Terma & Syarat.

Apakah itu Perlindungan Tenang?

Perlindungan Tenang merupakan inisiatif oleh Kerajaan Malaysia untuk memperluaskan perlindungan sosial kepada golongan berpendapatan rendah.

Qaseh Murni adalah produk di bawah Perlindungan Tenang, yang mudah untuk anda membeli atau menyertai pelan perlindungan insurans kesihatan yang berpatutan dan mudah difahami, dengan proses tuntutan yang mudah.

Bagaimanakah keluarga saya boleh membuat tuntutan kematian?

Langkah 1 Muat turun Borang Tuntutan Kematian di fwd.com.my/claims/#insurance dan lengkapkan borang tersebut

Langkah 2 Sediakan dokumen-dokumen berikut:

- Penyata Penuntut
- Salinan Sijil Kematian yang disahkan benar
- Salinan Kad Pengenalan Penuntut / penama
- Bukti hubungan
- Surat daripada JPN (bagi kematian di luar negara)
- Salinan laporan polis (bagi kematian akibat kemalangan)

Langkah 3 Hantar dokumen ke cawangan FWD atau BSN yang terdekat

Sila ambil perhatian bahawa keperluan penghantaran di atas hanya sebagai rujukan asas. Kami berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan. Bagi mempercepat proses tuntutan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan FWD di 1300 22 6262 atau e-mel ke ask@fwd.com.

Bagaimanakah saya membuat tuntutan Manfaat Tunai Penghospitalan Harian?

Langkah 1 Muat turun Borang Tuntutan Manfaat Hospital dan Pembedahan di fwd.com.my/claims/#insurance dan lengkapkan borang tersebut

Langkah 2 Bergantung kepada jenis penyakit, berikut adalah beberapa dokumen sokongan yang diperlukan untuk tuntutan:

- Borang Tuntutan Penghospitalan Bahagian I
- Nota Discaj / Ringkasan Discaj dari hospital
- Salinan bil / invois hospital

- Salinan Kad Pengenalan Orang yang Diinsuranskan/ Pemilik Sijil
- Sijil Perubatan Sulit Asal (bagi Penyakit Kritikal)
- Salinan laporan ujian darah, ECG dan/atau laporan radiologi, laporan histopatologi (bagi Penyakit Kritikal) yang disahkan benar
- Salinan dokumen perubatan lain yang berkaitan (bagi Penyakit Kritikal) yang disahkan benar

Langkah 3 Hantar dokumen ke cawangan FWD atau BSN yang terdekat

Sila ambil perhatian bahawa keperluan penghantaran di atas hanya sebagai rujukan asas. Kami berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan. Bagi mempercepat proses tuntutan, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan FWD di 1300 22 6262 atau e-mel ke ask@fwd.com.

Berapa lama masa yang diperlukan untuk memproses tuntutan saya?

Ia mengambil masa sehingga 5 hari bekerja (bagi Manfaat Kematian) dan sehingga 7 hari bekerja (untuk Manfaat Tunai Penghospitalan Harian) untuk memproses tuntutan selepas penerimaan dokumentasi yang diperlukan daripada anda.

Adalah pelan ini layak untuk pelepasan cukai?

Ya, anda boleh menikmati pelepasan cukai hingga RM3,000 di bawah kategori Insurans Perubatan, tertakluk kepada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Apakah 49 Penyakit Kritikal yang dilindungi di bawah Manfaat Tunai Penghospitalan Harian Tambahan jika dimasukkan ke hospital akibat Penyakit Kritikal?

1. Strok / Angin Ahmar – mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan
2. Serangan Jantung – keterukan tertentu
3. Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang
4. Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
6. Penyakit Arteri Koronari Serius
7. AIDS dengan Gejala Penuh
8. Kegagalan Hati Tahap Akhir
9. Hepatitis Viral Fulminan
10. Koma – mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan
11. Tumor Otak Benign – keterukan tertentu
12. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan
13. Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
14. Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih
15. Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu
16. Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah

Tertakluk pada Terma & Syarat.

17. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
18. Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
19. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
20. Hilang Keupayaan Bertutur
21. Pembedahan Otak
22. Pembedahan Injap Jantung
23. Penyakit Terminal
24. Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
25. Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
26. Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
27. Penyakit Neuron Motor – mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan
28. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan Kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
29. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
30. Distrofi Otot
31. Pembedahan Aorta
32. Sklerosis Multipel
33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
34. Penyakit Sistik Medular
35. Kardiomiopati – keterukan tertentu
36. Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
37. Sindrom Apallik
38. Pankreatitis Berulangan Kronik
39. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)
40. Elephantiasis
41. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
42. Kelumpuhan Anggota
43. Scleroderma Progresif
44. Poliomielititis
45. Penyakit Darah
 - Talasemia Major (Anemia Cooley)
46. Penyakit Kulit Kronik
 - Psoriasis Kronik
 - Pemphigus Vulgaris
 - Sindrom Steven-Johnson (SJS) atau Necrolysis Epidermal Toksik (TEN)
47. Penyakit Mental
 - Gangguan Kemurungan Utama (MDD)
 - Skizofrenia
 - Gangguan Bipolar
48. Penyakit Rheumatoid
 - Rheumatoid Arthritis (RA) peringkat akhir atau Arthritis Rheumatoid Teruk dengan kecacatan dan ketidakupayaan yang besar
 - Gout Tophaceous Kronik dengan komplikasi
 - Ankylosing Spondylitis yang teruk dengan komplikasi
 - Gangguan Tisu Penghubung Campuran (MCTD)
49. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari

Tertakluk pada Terma & Syarat.

Nota Penting

Qaseh Murni ialah produk insurans hayat kumpulan bertempoh dua tahun tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui tanpa jaminan.

Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.

Premium adalah dijamin sepanjang tempoh sijil selama 2 tahun. Apabila sijil diperbaharui, premium pembaharuan adalah tidak dijamin. Kami berhak untuk mengubah premium dengan memberikan notis 90 hari terlebih dahulu kepada anda.

Anda diberikan tempoh tenggang selama 31 hari selepas tarikh tamat tempoh untuk membuat pembayaran premium anda. Kegagalan untuk membayar premium boleh menyebabkan perlindungan ditamatkan.

Tempoh pengamatan percuma selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima sijil. Jika anda memulangkan sijil kepada Syarikat dalam tempoh ini, semua premium yang telah dibayar akan dikembalikan kepada anda, tanpa faedah, dan sijil akan dianggap tidak sah dari permulaan. Walau bagaimanapun, anda boleh membatalkan sijil anda selepas tempoh pengamatan percuma dengan menghantar permintaan bertulis kepada kami. Jika tiada tuntutan dibuat dalam tahun sijil semasa, kami akan memulangkan berdasarkan peratusan premium yang telah dibayar. Jumlah premium dipulangkan akan berdasarkan tempoh sijil anda telah berkuat kuasa bagi tahun sijil tersebut.

Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Premium Tahunan (%)	Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Premium Tahunan (%)
15 hari*	90%	7 bulan	25%
1 bulan	80%	8 bulan	20%
2 bulan	70%	9 bulan	15%
3 bulan	60%	10 bulan	10%
4 bulan	50%	11 bulan	5%
5 bulan	40%	Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada Pemulangan
6 bulan	30%		

*Tidak terpakai bagi tahun sijil pertama.

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, anda juga boleh merujuk kepada buku kecil maklumat insurans bertajuk "Insurans Perubatan dan Kesihatan" yang boleh didapati di semua cawangan kami. Anda juga boleh mendapatkan salinannya daripada kakitangan cawangan Bank Simpanan Nasional atau melayari www.insuranceinfo.com.my.

Jika terdapat sebarang perbezaan antara risalah versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Keterangan Produk dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat pelan yang terperinci sebelum membeli pelan.

Sila rujuk kepada kakitangan cawangan Bank Simpanan Nasional untuk maklumat lanjut.



PERLINDUNGAN *tenang* MAMPU & MUDAH

Pelan Mikro Insurans dan Mikro Takaful Mampu Milik

Dengan kerjasama



*Tertakluk pada Terma & Syarat.

Lawati cawangan Bank Simpanan Nasional terdekat anda di bsn.com.my/page/locate-us atau layari www.bsn.com.my

Pelan ini diedarkan oleh **Bank Simpanan Nasional**
Ibu Pejabat
Wisma BSN
117, Jalan Ampang,
50450, Kuala Lumpur
Pusat Perhubungan Pelanggan BSN: +603-2613 1900
Laman Web: www.bsn.com.my

Pelan ini diunderait oleh **FWD Insurance Berhad 199301022976 [277714-A]**
Ibu Pejabat
Level 21, Mercu 2,
No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
Talian Khidmat Pelanggan: 1300 22 6262
E-mel: ask@fwd.com
Laman Web: www.fwd.com.my

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.